

D.R. 9/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2008.

Pindaan seksyen 6A

2. Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 6A—

(a) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" dengan perkataan "lima puluh lapan";

(b) dalam subseksyen (5A), dengan menggantikan perkataan "1 Oktober 2001" dan "lima puluh enam" masing-masing dengan perkataan "1 Julai 2008" dan "lima puluh lapan";

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5A) subseksyen yang berikut:

"(5B) Umur persaraan paksa bagi seseorang pekerja yang tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh lapan tahun yang disebut dalam subseksyen (5A) hendaklah kekal sama ada lima puluh lima tahun atau lima puluh enam tahun sebagaimana umur yang telah dipilihnya sebelum 1 Julai 2008.

(5c) Opsyen bagi umur persaraan paksa lima puluh lapan tahun yang dilaksanakan oleh seseorang pekerja bagi maksud subseksyen (5) dan (5A) tidak boleh dibatalkan."; dan

- (d) dalam subseksyen (6), dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 10" perkataan "atau seksyen 11".

Pindaan seksyen 10

3. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" dengan perkataan "lima puluh lapan";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dan (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Jika seseorang pekerja mencapai umur persaraan paksa lima puluh lima, lima puluh enam atau lima puluh lapan tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan suatu prosiding jenayah atau tatatertib yang mungkin berkeputusan dengan pekerja itu disabitkan atau dibuang kerja belum lagi selesai, perkhidmatannya hendaklah disifatkan sebagai telah dilanjutkan melampaui mana-mana umur itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi dikira cuti tanpa gaji sehingga kesnya diputuskan.

(4) Jika prosiding jenayah atau tatatertib di bawah subseksyen (3) itu tidak berkeputusan dengan dia disabitkan atau dibuang kerja, dia hendaklah bersara apabila mencapai umur lima puluh lima, lima puluh enam atau lima puluh lapan tahun, mengikut mana-

mana yang berkenaan dengan umur persaraan paksanya, dan tempoh perkhidmatan selepas mana-mana umur ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh dimasukira.";

- (c) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" dan "1 Oktober 2001" masing-masing dengan perkataan "lima puluh lapan" dan "1 Julai 2008";
- (d) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" di mana-mana jua perkataan itu terdapat dan perkataan "1 Oktober 2001" masing-masing dengan perkataan "lima puluh lapan" dan "1 Julai 2008"; dan
- (e) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" dengan perkataan "lima puluh lapan".

Pindaan seksyen 12

4. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" dengan perkataan "lima puluh lapan";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3B) dengan subseksyen yang berikut:

"(3B) Jika seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (3) yang telah dilantik sebelum 1 Julai 2008 yang telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh lapan tahun, subseksyen (3) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'lima puluh lapan' dengan perkataan 'lima puluh lima' atau 'lima puluh enam', mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana umur yang telah dipilih oleh pekerja itu bagi persaraan paksanya sebelum 1 Julai 2008.";

dan

- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "atau lima puluh enam tahun" dengan perkataan ", lima puluh enam tahun atau lima puluh lapan tahun".

Pindaan seksyen 13**5. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" dengan perkataan "lima puluh lapan"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2A) dengan subseksyen yang berikut:

"(2A) Jika seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik sebelum 1 Julai 2008 yang telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh lapan tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'lima puluh lapan' dengan perkataan 'lima puluh lima' atau 'lima puluh enam', mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana umur yang telah dipilih oleh pekerja itu bagi persaraan paksanya sebelum 1 Julai 2008."

Pindaan seksyen 26**6. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "lima puluh enam" dengan perkataan "lima puluh lapan"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2A) dengan subseksyen yang berikut:

"(2A) Jika seseorang pekerja yang disebut dalam subseksyen (2) yang telah dilantik semula sebelum 1 Julai 2008 yang telah diberikan opsyen sebelum tarikh itu dan tidak memilih umur persaraan paksa lima puluh lapan tahun, subseksyen (2) hendaklah terpakai baginya dengan menggantikan perkataan 'lima puluh lapan' dengan perkataan 'lima puluh lima' atau 'lima puluh enam', mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana umur yang telah dipilih oleh pekerja itu bagi persaraan paksanya sebelum 1 Julai 2008."

Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 5

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 ("Akta 239") untuk mengadakan peruntukan bagi umur persaraan paksa yang baru iaitu lima puluh lapan tahun bagi pekerja-pekerja yang berkerja sepenuh masa dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun dan tempatan. Umur persaraan yang baru ini dicadangkan melalui pindaan kepada subseksyen 10(1) Akta 239 yang dinyatakan dalam *fasal 3*.

Walau bagaimanapun pekerja-pekerja yang berkenaan diberikan opsyen untuk bersara pada umur persaraan paksa sekarang iaitu lima puluh lima tahun atau lima puluh enam tahun sebagaimana umur persaraan paksa yang telah dipilihnya sebelum 1 Julai 2008. *Fasal 2* (kecuali *subfasal (d)*), *4*, *5* dan *6* masing-masing mencadangkan pindaan kepada seksyen **6A**, *12*, *13* dan *26* Akta 239 yang berbangkit daripada cadangan mengubah umur persaraan paksa. Melalui *subfasal 2(d)*, seseorang pekerja yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh dikehendaki bersara atas alasan kepentingan negara atau demi kepentingan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang jumlahnya belum dapat ditentukan sekarang.

[PN(U³)2637]